

16 SEP 1997

Mahathir-Perubahan

JANGAN TAKUT PERUBAHAN, KATA MAHATHIR KEPADA DUNIA

KUALA LUMPUR, 16 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menasihati dunia supaya jangan takut kepada perubahan tetapi sebaliknya mencuba perkara-perkara baru untuk menghadapi masa hadapan dengan berani.

Ketika melancarkan anak syarikat Nippon Telegraph and Telephone Corporation, NTT MSC Sdn Bhd, di sini, perdana menteri berkata masa depan sudah pasti berbeza daripada keadaan pada masa kini.

Penekanan pada masa hadapan tidak lagi kepada industri mekanikal tetapi lebih kepada industri berasaskan pengetahuan, katanya mengenai peralihan Malaysia dari era industri kepada era baru maklumat dengan pelancaran Koridor Raya Multimedia (MSC).

"Kami mengalu-alukan perubahan ini walaupun kami melihat pada perubahan masa hadapan dengan kebimbangan yang sama kerana kami tidak tahu sebenarnya apa yang akan berlaku kepada kami," katanya.

Beliau berkata Malaysia mempunyai beberapa idea mengenai apa yang akan berlaku di masa hadapan tetapi apa yang berlaku mungkin tidak sama seperti apa yang dilihat oleh negara.

Untuk ini, "adalah mustahak supaya kita mencuba perkara-perkara baru," kata Dr Mahathir.

MSC, katanya, adalah satu tempat bagi semua orang dari seluruh dunia mencuba sesuatu perkara baru, idea dan teknologi baru.

Dalam MSC, idea-idea bernas kerajaan elektronik akan diuji, katanya.

"Kami akan dijadikan sebagai bahan eksperimen, begitu juga dengan saya," katanya.

"Sekiranya ia berjaya -- bagus -- jika tidak kita boleh mengubahnya, walaupun ia berjaya, kita boleh membuat pengubahsuaian, mencuba kaedah baru, idea baru dan teknologi baru sehingga kita yakin bahawa kita telah mereka satu sistem baru bagi kerajaan elektronik," katanya. -- BERNAMA

JR AKD